

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2016

**USUL CADANGAN BAGI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG MEWUJUDKAN
“WOMEN ONE STOP CENTER” DALAM MEMPERKASAKAN WANITA SUPAYA
BANGKIT DAN SEDAR UNTUK LEBIH BERJAYA DAN BERSEDIA DALAM
MENEMPUHI MATLAMAT DAN CABARAN KEHIDUPAN YANG SEMAKIN
BERDAYA SAING**

Bahawa Sidang Muda Wanita mencadangkan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu agensi di bawah Kerajaan Negeri dalam memperkasakan wanita supaya lebih bersedia dan berdaya saing dalam menempuhi matlamat kehidupan dan bersedia menghadapi pelbagai cabaran kehidupan yang semakin berdaya saing dan berteknologi tinggi.

Di bawah “Women One Stop Centre”, akan ada jabatan yang berfungsi untuk membantu wanita di luar sana atau wanita yang kurang berkemampuan dalam kategori keperluan sokongan masing-masing. Selain itu, ia boleh dilaksanakan dengan kerjasama agensi berkaitan, NGO dan tenaga profesional yang ingin memberi khidmat sukarelawan. Cadangan jabatan-jabatan yang boleh diwujudkan adalah seperti berikut:-

- i. Jabatan Kaunseling dan Motivasi Wanita (persendirian atau lebih kepada interaksi bersama komuniti bersama pemimpin wanita dari pelbagai sektor);
- ii. Jabatan Psikologi dan Bengkel Pengurusan Emosi Wanita (dalam merawat wanita yang mempunyai trauma tekanan hidup);
- iii. Jabatan Latihan Wanita Profesional (mengenali kelebihan dan kelemahan diri untuk maju dan berdikari dalam kehidupan serta mahir IT);
- iv. Jabatan Pengurusan Kewangan Wanita (dengan merangka program meningkatkan tahap pemahaman dan pengurusan kewangan secara bijak, termasuk sebagai agen pusat bantuan kewangan setempat);
- v. Jabatan Khidmat Guaman Wanita (bagi wanita yang teraniaya dan memerlukan hak perlindungan mereka).
- vi.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) oleh Kementerian Wanita Keluarga & Masyarakat (KPMKM) melaporkan, kes keganasan rumahtangga dari tahun 2006 sehingga Jun 2011 adalah sebanyak 2986 kes. Bagi tahun 2006 sendiri negeri yang paling banyak mencatatkan kes keganasan rumahtangga ialah Pulau Pinang. Selain itu, dari segi kerjaya professional pula; menurut kajian tenaga kerja oleh Jabatan Statistik, wanita yang memegang jawatan sebagai pengurus hanya 3.2 peratus dan profesional hanya 14.8 peratus. Ini membuktikan bahawa masih ramai golongan wanita yang berpendidikan dan profesional di Malaysia yang tidak memasuki bidang pasaran kerja.

Bahawa Sidang Muda Wanita juga mencadangkan satu tabung amanah dalam menjaga kebajikan golongan wanita yang teraniaya di dalam sistem kehakiman syariah perlu diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini kerana kebanyakan tabung bantuan kewangan adalah di bawah kuasa Kerajaan Pusat, ini mungkin tidak adil bagi penerima yang memerlukan bantuan seperti ibu tunggal, keganasan rumahtangga, masalah sosial, kemiskinan dan sebagainya. Rata-rata mereka takut untuk membela diri atau tidak tahu hak-hak mereka dalam menangani konflik sebegini. Ramai di antaranya adalah wanita yang umurnya kurang dari 30 tahun.

Demi memperkasakan wanita dan persediaan dalam pelbagai rencana kehidupan, kita mahu kaum wanita berdiri seiring dalam memajukan diri, keluarga mahupun ekonomi sejagat, oleh itu diharapkan Kerajaan Negeri dapat merealisasikan cadangan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

Noor Syazwani Binti Md Amin

Ahli Sidang Muda 2016